

23/01/1997

Iman perlu dibukti dengan perbuatan

Abdurrahman Haqqi

SEBAB diturunkan ayat 2-4 surah ash-Shaf adalah peringatan Allah kepada segelintir umat Islam pada zaman yang hanya boleh cakap tapi tidak mahu mempraktikkan apa yang mereka cakapkan khususnya dalam 'keiya-iyaaan' atau keapi-apian hasrat mereka untuk berjihad.

Ibn Abbas berkata: "Ada segelintir kaum Mukminin sebelum diwajibkan berjihad berkata: "Sungguh, kami berharap andainya Allah menunjukkan kepada kita suatu amalan yang sangat disukai kemudian kami akan melakukannya." Maka Allah mengkhabarkan kepada Nabi-Nya bahawa sebaik-baik amalan adalah iman yang tidak ada keraguan dalamnya dan berjihad menentang orang-orang yang mengingkari-Nya dengan menolak iman dan tidak mahu menerimanya dengan sebenar-benar penerimaan. Ketika ayat memerintah untuk berjihad diturunkan mereka membencinya dan berasa susah hati. Lalu Allah menurunkan ayat-ayat di atas yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya, amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh." (at-Tabari)

Memang lidah tak bertulang, tak terbatas kata-kata. Memang cakap itu senang, tapi mengkotakannya susah sangat. Terbukti bahawa bagaimana segelintir sahabat yang hidup bersama Rasulullah mereka pun hanya boleh bercakap tapi ketika ditanya untuk membuktikannya mereka menarik diri atau setidak-tidaknya membencinya. Oleh itu, menurut Ibn Zaid mereka termasuk orang munafik. Kerana, menurut sebuah hadis "Tanda-tanda orang munafik adalah tiga perkara; apabila bercakap dia berbohong; apabila berjanji dia tak menepatinya; dan apabila diberikan amanah kepadanya dia akan mengkhianatinya." (Ahmad & at-Tirmizi)

Ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa orang yang layak dipanggil seorang mukmin adalah orang yang mengkotakan janji dan membuktikan perkataannya serta bekerja secara teratur rapi dan mengikut arahan serta rancangan yang telah ditetapkan dan dirancang sebelumnya. Jika ketiga-tiga perkara ini tidak wujud, keimanan seseorang diragui keberadaannya. Dengan catatan bahawa ketiga-tiga perkara berkenaan adalah gambaran dari ajaran Islam sebenar. Bukankah "Iman itu bukan hanya dalam angan-angan dan harapan tapi apa-apa yang telah tetap dalam hati kemudian dibuktikan dengan perbuatan," sabda Nabi. (Ibn Najjar & ad-Dailami)

Orang yang bercakap kemudian mempraktikkannya adalah orang-orang yang mempunyai visi jelas dalam hidupnya kerana ia berasa konfiden dengan pemikiran, percakapan dan tindak tanduknya. Selagi ia membawa manfaat untuk diri dan persekitarannya dia akan membuktikan perkataannya sama ada enak pada dirinya tapi tak enak pada diri orang lain ataupun tak enak pada dirinya tapi enak pada orang lain ataupun enak dan tak ada pada diri kedua-duanya

Dalam konteks Malaysia, perkara di atas telah dibuktikan oleh pemimpinnya, Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad. Dengan mempunyai visinya, kemudian membuat konsepnya, lalu dikatakan dan dijelaskan kepada rakyatnya dan akhirnya dibuktikannya dengan segala fenomena Wawasan 2020 yang sekarang terserlah dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan budaya, industri serta teknologi.

Mudah-mudahan wawasan di atas dapat dilanjutkan oleh penerusnya. Mudah-mudahan cita-cita luhur di atas dapat dibuktikan juga oleh rakyatnya.

Jangan mereka hanya bergantung kepadanya dengan angan-angan dan harapan tanpa mempercayai kejayaan realitinya. Apatah lagi meremehkan semua fenomena di atas dan menolaknya mentah-mentah tanpa mengambil kira keupayaan sebenar kita. Kerana jika kita hanya mempercayai kehebatan visi ini tapi kita tidak mahu melaksanakan setiap rancangan yang telah ditetapkan dan digaris pandukan serta dikemaskinikan akan samalah kita dengan golongan yang dipertanyakan al-Quran dalam ayat-ayat di atas. Atau, jika kita tidak mempercayai kehebatan visi ini padahal fenomena-fenomenanya sudah wujud di hadapan mata kita, maka kita akan menghancurkan dan merobohkan kejayaan kita sendiri.

Bukankah Allah berfirman "Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh," maka sepatutnyalah kita berganding bahu untuk membuktikan setiap azam perkataan kita demi kejayaan kita sendiri. Mari, mari, mari!

(END)